

SOALAN LAZIM BORANG R

PERTANYAAN AM

S1: Sekiranya syarikat memulakan operasi selepas 31 Disember 2007, adakah syarikat masih perlu mengemukakan Borang R?

J1: Syarikat yang mula beroperasi selepas 31 Disember 2007 tidak perlu mengemukakan Borang R mulai Tahun Taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

S2: Sekiranya syarikat lewat mengemukakan Borang R, berapakah penalti yang dikenakan ?

J2: Kegagalan / kelewatan mengemukakan penyata baki 108 dalam tempoh yang ditetapkan merupakan satu kesalahan dan jika disabit kesalahan, boleh dikenakan denda antara RM200 hingga RM2,000 di bawah subseksyen 120(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (selepas ini disebut sebagai ACP 1967).

S3: Di manakah syarikat perlu mengemukakan Borang R ?

J3: Borang R yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke:

i) Sekiranya borang tersebut dihantar melalui pos ;

Sila kembalikan ke alamat berikut :

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Jabatan Pemprosesan Maklumat,
Menara Hasil,
No.3, Jalan 9/10, Seksyen 9,
Karung Berkunci 221
43659 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

ii) Sekiranya hadir sendiri, tuan bolehlah hadir ke Jabatan Pemprosesan Maklumat di alamat seperti di atas untuk membuat serahan.



S4: Bilakah tarikh akhir untuk mengemukakan Borang R?

J4: Tarikh akhir pengemukaan Borang R ialah 7 bulan berikutan dengan penutupan tempoh perakaunan yang merupakan tempoh asas syarikat itu, satu penyata yang menunjukkan baki 108 tersemak sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peruntukan Kecualian dan Peralihan Akta Kewangan 2007 (Akta 683) dan Akta Kewangan 2009 (Akta 693).

S5: Bolehkan ejen cukai menandatangani di Bahagian Akuan :

J5: Tidak boleh. Pengakuan ini hendaklah dibuat oleh penjawat jawatan dalam syarikat yang dinamakan dalam seksyen 75, ACP 1967.

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Julai 2014